

04 APR, 2021

Ketidakpatuhan, ekonomi hitam dan implikasi kutipan cukai

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

Ketidakpatuhan, ekonomi hitam dan implikasi kutipan cukai



Pensyarah di Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) Kuala Lumpur

Oleh Prof Emeritus Dr Barjoi Bardai
bhrencana@bh.com.my

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menyenaraikan ketidakpatuhan cukai di dalam Rangka Kerja Siasatan Cukai 2020, termasuk kegagalan mengemukakan Borang Nyata (BN), mengemukakan penyata kewangan yang tidak betul dan pelarian cukai sengaja dengan niat.

Ketiga-tiga perkara itu turut diandikan merangkumi ekonomi gelap, ekonomi hitam, ekonomi ungu, ekonomi bayangan atau ekonomi bawah tanah.

Namun, semua terminologi ini mem-
berita maklumat.com dan LHDNM menggunakan definisi Lipert and Walker.

Ia memperincikan ekonomi bayangan sebagai pendapatan daripada aktiviti ekonomi yang tidak sah di sisi undang-undang, perdagangan secara tunai atau sistem barter, pendapatan tidak dilaporkan, kaedah elak cukai dan pendapatan aktiviti daripada bekerja sendiri yang tidak nyata.

Apa yang penting, ekonomi bayangan meliputi aktiviti yang di luar jaring percukaian.

Investopedia mendefinisikan ekonomi hitam sebagai ekonomi bersumberkan aktiviti di luar undang-undang dan peraturan negara dalam perdagangan, urusan tidak berekod serta urusan tidak sah. Di Malaysia, ekonomi hitam berlaku dalam perdagangan minuman keras tiruan, rokok haram dan barang buatan tiruan termasuk peralatan, jam tangan, ubat, kosmetik dan alat ganti kenderaan.

Perdagangan rokok tiruan terbesar di dunia adalah di Malaysia (59 peratus jualan rokok adalah rokok tiruan). Ekonomi bawah tanah pula didefinisikan sebagai urus niaga haram daripada barang niaga haram atau urus niaga tidak sah.

Wang dibelanjakan, tetapi tidak direkodkan secara formal. Di Malaysia, nilai ekonomi bawah tanah ini menurun daripada 37.5 peratus pada 1991, 26.1 peratus 2015 sehingga 20 peratus 2020 (bernilai RM300 bilion).

Penurunan ini disebabkan peningkatan penguatkuasaan pelbagai agensi penguat kuasa terbabit, termasuk LHDNM tetapi masih meletakkan Malaysia di bawah negara seperti Vietnam iaitu 19 peratus.

Ekonomi bayangan, ekonomi ungu atau juga dipanggil sebagai ekonomi berselari menekankan pendapatan yang tidak dilaporkan dalam aktiviti sah.

Ia wujud seiring dengan ekonomi formal cuma ia disembunyikan dan dilakukan di luar aktiviti ekonomi formal. Di Malaysia, nilainya adalah melebihi RM280 bilion pada 2020 (21 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), lebih tinggi berbanding di negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), iaitu pada 17 peratus.

Sukar untuk membezakan antara ekonomi hitam, ekonomi bawah tanah atau ekonomi bayangan kerana ia bertindih lapis. Setiap tahun sebahagian besar pendapatan individu dan syarikat tidak dinyatakan dalam BN dan sengaja disembunyikan daripada pengetahuan LHDN sehingga ia tidak ditaksir.

“Peningkatan kutipan cukai khususnya daripada sumber ekonomi bayangan atau ekonomi seiring ini pasti dapat mewujudkan kesan positif jangka panjang kepada ekonomi”

LHDNM tidak berdiam diri dalam hal ini. Sejak berdekad LHDNM melaksanakan strategi memeringi aktiviti ekonomi bayangan dan memastikan ia termasuk dalam jaring percukaian.

LHDN melaksanakan banyak program, khususnya pengauditan dan penyiasatan ketidakpatuhan cukai. Pada 2017 umpamanya, 178,583 kes syarikat, 349,952 kes perniagaan, 1,322,704 kes individu, 67,534 kes pekerja dan 1,566 kes penyiasatan dilakukan.

Sejak 2000, sebanyak 15,889,221 kes diaudit dan disiasat dengan jumlah cukai dan denda yang dikutip melebihi RM44 bilion membabitkan kerja audit meja, audit luar, kajian lapangan dan penyiasatan berkait dengan pindahan harga.

Justeru, LHDNM berjaya mengutip cukai setiap kes syarikat lebih RM50,000, manakala kes indi-

vidu lebih RM10,000.

Memerangi ekonomi hitam ini bukan kerja mudah kerana ia dilakukan dengan begitu licik. Perkara ini ditekankan bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar bahawa sesetengah aktiviti ini didalangi mereka bergelar Tan Sri dan Datuk Seri.

Tentu pada saat genting dan ketidakpastian ekonomi ini, negara amat memerlukan keupayaan semua sumber ekonomi bagi menangani pandemik, di samping kegawatan ekonomi.

Jumlah kehilangan sumber pendapatan cukai daripada ekonomi bayangan khususnya amat dirasakan. Pada 2020, jumlah pendapatan kena cukai daripada ekonomi bayangan hampir 30 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Pada kadar purata 20 peratus individu, jumlah cukai yang sepatutnya dikutip setiap tahun ialah melebihi RM80 bilion, cukup untuk menampung jurang belanjawan dan mengelakkan kerajaan daripada terpaksa berhutang (seperti RM60 bilion yang terpaksa dipinjam untuk menampung keangan pada belanjawan 2021).

Ketika negara sedang cuba pulih daripada kegawatan dan berhijrah ke Revolusi Industri 4.0, kerajaan perlu banyak melabur untuk meningkatkan kemahiran warga kerja dan mewujudkan komuniti usahawan mantap.

Peningkatan kutipan cukai khususnya daripada sumber ekonomi bayangan atau ekonomi seiring ini pasti dapat mewujudkan kesan positif jangka panjang kepada ekonomi.

Bagaimanakah ekonomi bayangan ini boleh 'dikecup' untuk meningkatkan kutipan cukai? Pada jangka panjang ia memerlukan program pendidikan cukai meliputi pelajar sekolah, kolej, universiti dan komuniti peniaga.

Sementara, dalam jangka pendek, LHDNM boleh meningkatkan keupayaan dengan menggunakan kepakaran firma audit atau perakaunan sebagai perunding dalam kerja pengauditan dan penyiasatan secara perkongsian hasil kutipan.

LHDNM perlu juga menggunakan teknologi baharu seperti *Big-Data analytic* untuk mengesan aktiviti ekonomi bayangan. Mekanisma seperti ini memerlukan pembayar cukai terpilih menyediakan *Capital Statement* untuk mengesan pendapatan yang tidak diisytiharkan.

Kementerian Kewangan perlu berterusan menu-
tup 'lompong cukai', membawa masuk dalam skop percukaian pendapatan jual beli saham oleh individu, pendapatan dividen dan urus niaga melalui internet.



04 APR, 2021

Ketidakpatuhan, ekonomi hitam dan implikasi kutipan cukai

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Pensyarah di Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) Kuala Lumpur

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menyenaraikan ketidakpatuhan cukai di dalam Rangka Kerja Siasatan Cukai 2020, termasuk kegagalan mengemukakan Borang Nyata (BN), mengemukakan penyata kewangan yang tidak betul dan pelarian cukai sengaja dengan niat. Ketiga-tiga perkara itu turut diandaikan merangkumi ekonomi gelap, ekonomi hitam, ekonomi ungu, ekonomi bayangan atau ekonomi bawah tanah. Namun, semua terminologi ini membawa maksud sama dan LHDNM menggunakan

definisi Lipert and Walker.